

# BULETIN TERAJU



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

www.umk.edu.my



**Y.B. DATO' SERI MUSTAPA MOHAMED  
RASMI**

**SOCIAL ENTERPRISE (SEED)  
FOR ECONOMIC DEVELOPMENT**

**& PAMERAN KARYA SENI VISUAL  
STPM 2010**



**UMK TERIMA PELAJAR BARU**  
UMK tawar 702 tempat pengajian  
kepada pemohon lepasan STPM dan  
setaraf bagi sesi 2010/2011



**SAMBUTAN ULANGTAHUN  
KE-3 OPERASI UMK**  
Warga UMK diminta menambahbaik  
prestasi dan kualiti kerja



**SAMBUTAN AMBANG MERDEKA**  
Pelajar UMK sertai kembara  
merdeka ke lokasi pertama  
pendaratan Jepun di Tanah Melayu

# Pengurusan UMK

Naib Canselor  
Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal Mohamed

Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya  
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Pendaffar  
En. Abdul Halim Abdul Rahman

Bendahari  
Cik Hajah Siha Saat

Ketua Pustakawan  
En. Azman Hashim



## PERUTUSAN Naib Canselor

## Editorial

Ketua Editor  
Puan Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain  
Pengarah Pusat Hubungan Korporat

Editor  
Y.Bhg. Prof. Madya Datin Rosnah Mohamad Sirin  
Liau Pei Wein

Wartawan  
Syarimie Wosley  
Normala Othman

Fotografi  
Mohd Al Azam Mat Razi

Pereka  
Elyani Zamri

Editor Bersekutu  
Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar  
Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli

Prof. Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim  
Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Prof. Madya Hj. Abdul Aziz Shuaib  
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Dr. Mohd. Azam Khan Goriman Khan  
Pemangku Dekan Fakulti Perubatan Veterinar

Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latiff  
Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana

Prof. Madya Dr. Farok Zakaria  
Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan  
Pembangunan Insaniah

Prof. Rosdi Ab. Rahman  
Pengarah Pusat Pembangunan dan  
Pengurusan Akademik

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu, saya yang mewakili seluruh warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengalu-alukan kedatangan 609 pelajar baru melanjutkan pengajian peringkat ijazah pertama di empat buah fakulti bagi sesi akademik 2010/2011.

Kumpulan pelajar tersebut yang merupakan kumpulan keempat pelajar UMK telah melapor diri sejak 3 Julai 2010 dan kemasukan mereka menandakan Universiti yang ditubuhkan pada 1 September 2006 ini berjaya membuat pengambilalihan pelajar mengikut perancangan di setiap sesi pengajian.

Dengan kemasukan pelajar baru ini, jumlah keseluruhan pelajar UMK kini berjumlah 1793 orang dan kita berharap kampus UMK di Jeli dan Bachok yang dijangka mula beroperasi pada tahun hadapan (2011) akan dapat mewujudkan ruang pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif.

Pada 1 Ogos 2010, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Seri Mustapa bin Mohamed telah merasmikan Program Enterprais Sosial Untuk Pembangunan Ekonomi (SEED) dan Pameran Karya Seni Visual Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2010 anjuran UMK dengan kerjasama beberapa institusi pendidikan serta agensi tempatan serta luar negara.

Penganjuran kedua-ke dua program tersebut menggambarkan sokongan Universiti bukan sahaja terhadap aktiviti akademik semata-mata, malah Universiti turut menyokong usaha membangunkan modal insan cemerlang, tinggi nilai sosio budaya dan seterusnya memberi manfaat kepada pembangunan intelektual masyarakat melalui perkongsian ilmu dalam kalangan ahli akademik, pelajar dan masyarakat.

Selain itu, kita telah mengadakan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-3 Operasi UMK dan Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan Peringkat UMK pada 8 Ogos 2010. Dalam tempoh tiga tahun beroperasi, UMK telah membelanjakan lebih RM90 juta membiaya kos operasinya di Pengkalan Chepa sejak 15 Januari 2007 hingga Disember 2009.

Perbelanjaan besar yang merangkumi gaji staf, sewa, pemulihan dan lain-lain telah menjana ekonomi setempat terutama penduduk yang tinggal di kawasan sekitar kampus. Mereka mengambil kesempatan membuka banyak perniagaan dan kemudahan baru seperti kedai makan sekali gus meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi.

Pelajar-pelajar dan staf UMK terutamanya bertanggungjawab memberi nilai tambah kepada masyarakat sekeliling dan tidak membiarkan mereka berada di tahap pemikiran yang sama.

Masyarakat umum memandang tinggi kepada status warga UMK dan peluang ini seharusnya diambil untuk bergaul dengan mereka dan mengubah minda ke arah yang lebih baik.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan ke 52 dan Hari Malaysia Ke-47 kepada semua warga UMK.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal Mohamed.



Tajuk : TERAJU  
Foto : Mohd Al Azam Mat Razi  
Rekabentuk : Elyani Zamri

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:  
PUSAT HUBUNGAN KORPORAT  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa  
16100 Kota Bharu, Kelantan

E-mel: korporat@umk.edu.my  
Tel: 09-771 7010  
Faks: 09-771 7022  
Laman web: <http://www.umk.edu.my>

# UMK TERIMA 609 PELAJAR

## SESI 2010/2011



Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berbual mesra dengan pasangan kembar dan pelajar berketurunan Orang Asli.



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) telah menerima 609 pelajar baru bagi mengikuti program pengajian peringkat ijazah pertama di UMK bagi sesi akademik 2010/2011.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed memberitahu, sehingga 3 Julai 2010 pihak Universiti telah menerima 529 pelajar bagi memulakan pengajian sesi 2010/2011.

"Jumlah itu bertambah kepada 609 apabila kumpulan pelajar rayuan mendaftar pada 1 Ogos 2010 bagi mengisi kekosongan tempat yang ditawarkan," katanya.

Menurut beliau, UMK boleh menampung sehingga 702 tempat pengajian bagi sesi akademik 2010/2011, iaitu 290 pelajar di Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), 230 pelajar Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), 142 pelajar Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dan 40 pelajar Fakulti Perubatan Veterinar (FPV).

Menurut beliau, sempena kemasukan pelajar UMK sesi akademik 2010/2011, UMK telah menganjurkan program Minggu Mesra Mahasiswa (3M) bermula dari 3 Julai hingga 7 Julai 2010.

"Program 3M bertujuan memberi maklumat kepada mahasiswa baru khususnya berkaitan dengan pelbagai kemudahan yang disediakan UMK seperti pembiayaan dan penajaan pelajar, hal ehwal akademik, kemudahan perpustakaan dan teknologi maklumat serta komunikasi," katanya.

Tambah Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai, UMK turut berbangga kerana menerima kehadiran dua pasangan kembar iaitu Nor Hidayah binti Zakaria dan Nor Farhana binti Zakaria serta Ba Kuan Yoke dan Ba Kuan Mei yang akan mengikuti program pengajian di FASA.

"Manakala Mastura binti Rahim merupakan pelajar Orang Asli dari Kulai, Johor yang akan mengikuti pengajian dalam program Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian di FTKW," katanya.

## HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA UNESCO 2010

SELARAS dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara Bumi Hijau, Universiti Malaysia Kelantan melalui Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) telah mengambil inisiatif mengadakan Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia UNESCO 2010 pada peringkat UMK selama tiga hari bermula 13 hingga 15 Julai 2010.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof. Dr. Azizul Halim bin Yahya menyifatkan penganjuran program ini bertujuan mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk memelihara alam sekitar.

"Pada hari ini, setiap individu di negara kita menghasilkan sampah-sarap kira-kira 0.8 kg sehari dan kadar ini dijangka akan meningkat lagi sekiranya kita tidak mula mengawal cara pengeluaran dan pembuangan sampah kita. Situasi seperti inilah yang menyebabkan alam sekitar kita tercemar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia UNESCO 2010 yang diadakan pada 14 Julai 2010, di Dewan Terbuka Keusahawanan UMK.

Menurutnya, program sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia UNESCO 2010 peringkat UMK yang diadakan ini adalah bersesuaian dengan kempen 'Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok' yang telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu Negara Bumi Hijau.



Timbalan Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Azizul Halim bin Yahya merasmikan Hari Alam Sekitar Sedunia UNESCO.



# UMK JANA SUMBER EKONOMI PENDUDUK SETEMPAT

WARGA Universiti Malaysia Kelantan (UMK) diminta untuk menambah baik prestasi dan kualiti kerja untuk menjayakan serta merealisasikan projek pembangunan modal insan kerajaan.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed menyeru supaya pelajar dan staf Universiti bertanggungjawab menjadikan pembangunan modal insan berkualiti itu menjadi realiti.

"UMK adalah projek pembangunan modal insan kerajaan. Justeru, semua staf bertanggungjawab untuk menjayakan projek modal insan ini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Ulang Tahun ke-3 Operasi UMK dan Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan Peringkat UMK, di Dewan Terbuka Keusahawanan pada 8 Ogos 2010.

Sementara itu, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai berkata dalam tempoh tiga tahun beroperasi UMK telah membelanjakan lebih RM90 juta untuk kos operasinya di Pengkalan Chepa sejak 15 Januari 2007 sehingga Disember tahun 2009.

"Kos yang membabitkan gaji staf, sewa, senggaraan dan lain-lain kos berupaya menjana peluang ekonomi komuniti setempat," katanya.

Jelas beliau, pembangunan kampus UMK di Bachok dan Jeli dijangka akan memberi peluang sumber ekonomi yang sama kepada penduduk sekitar sebaik sahaja Universiti beroperasi pada tahun 2011.

Dalam majlis tersebut, turut diadakan persembahan kebudayaan dan gimik pelancaran bulan kemerdekaan dengan menggunakan helikopter mini yang membawa jalur gemilang untuk diserahkan kepada Naib Canselor.

Naib Canselor turut menyempurnakan pelepasan konvoi berbasikal 25 pelajar UMK ke Pantai Sabak iaitu lokasi pertama pendaratan Jepun yang menyerang Tanah Melayu.

Beliau berkata, pelajar berkonvoi dengan basikal bertujuan untuk mengajak pelajar menghayati kembali jejak sejarah kemerdekaan.

"Tugu peringatan pendaratan Jepun di Kampung Kuala Pak Amat, Pengkalan Chepa dan Pantai Sabak merupakan lokasi pertama pendudukan Jepun di Tanah Melayu.



Sementara itu, Pegawai Belia dan Sukan UMK, Azrizal Hashri berkata, hasil daripada konvoi berbasikal itu UMK akan mengadakan video klip khas bertemakan Jejak Bersejarah yang akan ditayangkan pada malam ambang kemerdekaan.

"Dengan penganjuran pelbagai program sempena kemerdekaan itu diharap masyarakat dan pelajar menghayati serta menghargai erti nikmat kemerdekaan sebenar," ujarnya.

# PROGRAM SEED 2010

## BANTU BANGUNKAN MASYARAKAT DESA



USAHA Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menganjurkan Program Enterpris Sosial Untuk Pembangunan Ekonomi (SEED) adalah langkah terbaik mewujudkan jaringan di peringkat global untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat di negara ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Seri Mustapa bin Mohamed menyifatkan keanggotaan UMK dalam ASEAN Learning Network Council (ALNC) bersama universiti luar negara mampu mencari kaedah terbaik untuk penambahbaikan sosio ekonomi.

"UMK telah memainkan peranan yang efektif menjadi tuan rumah menganjurkan program SEED dengan kerjasama Universiti of St. Gallen, Switzerland, melibatkan 18 pelajar antarabangsa dari lima buah negara dan 48 pelajar UMK," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan perasmian Majlis Pelancaran Pameran Karya Seni Visual Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)-UMK dan Program SEED di Dewan Terbuka Keusahawanan, kampus UMK pada 1 Ogos 2010.

Turut hadir dalam majlis itu, ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman, Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, Pengerusi Bengkel SEED dari Institut Teknologi Bandung, Indonesia, Prof. Ir. Surna Tjahja Djajadiningrat dan Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia, Tuan Haji Omar bin Abu Bakar.

Dato' Seri Mustapa menyifatkan penganjuran Bengkel SEED dan Pameran Seni Visual seumpama ini adalah satu langkah yang cukup strategik bagi pelajar tempatan dan luar negara mendapat pengalaman sebenar tentang aktiviti pembelajaran merentasi nilai budaya dan cara hidup sesebuah masyarakat.

Sementara itu, Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai menyatakan bahawa program SEED yang diadakan buat kali keempat ini telah memilih Kampung Sri Tujuh, Tumpat sebagai lokasi kajian sosio-ekonomi.

Tambah beliau, penduduk kampung telah menerima manfaat melalui kehadiran masyarakat antarabangsa ini dari aspek penjaan ekonomi dan promosi pelancongan.

"Selain itu, pameran Seni Visual kali ini telah memilih UMK sebagai tuan rumah untuk memberi peluang kepada Universiti memartabatkan industri kreatif negara. Ini bertepatan dengan peranan UMK yang memberi penekanan dalam bidang seni visual dan teknologi kreatif," katanya.



Y.B. Dato' Seri Mustapa bin Mohamed melihat karya seni pelajar pada Majlis Pelancaran Pameran Karya Seni Visual Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Majlis Peperiksaan Malaysia(MPM)-UMK dan Program SEED.

# SOCIAL ENTERPRISE (SEED) FOR ECONOMIC DEVELOPMENT

A CROSS-CULTURAL LEADERSHIP PROGRAMME

DALAM usaha memajukan industri tempatan atau desa oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan swasta (IPTS) menerusi penekanan program jalinan masyarakat menuntut graduan atau mahasiswa menyumbang kepada pembangunan kumpulan sasaran secara berterusan.

Menyentuh saranan itu, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang baru berusia tiga tahun telah bekerjasama dengan University of St. Gallen, Switzerland, menganjurkan program Enterprais Sosial Untuk Pembangunan Ekonomi atau *Social Enterprise for Economic Development (SEED)* dari 21 Julai 2010 hingga 3 Ogos 2010, dengan memilih jajahan Tumpat, di Kelantan, sebagai lokasi kajian.

UMK menganggap usaha pengantarabangsaan dan mewujudkan jaringan kerjasama dalam penganjuran SEED di peringkat global menerusi *ASEAN Learning Network Council (ALNC)* bukanlah perkara mustahil.

ALNC yang dianggotai oleh Institut Teknologi Bandung ITB, Indonesia, University of St. Gallen, Switzerland, The Banking University of Ho Chi Minh City, Vietnam, San Beda College, Filipina, Prince of Songkla University, Thailand dan University of Brunei Darussalam.

Objektif SEED memajukan industri desa itu diharap dapat memberi peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk kampung sekali gus menghasilkan satu industri desa yang popular di jajahan tersebut pada masa depan.

Pada masa sama, UMK sentiasa memastikan impak atau manfaat kewujudannya di negeri Kelantan khususnya dirasai oleh masyarakat setempat. Justeru, pelbagai usaha telah dijalankan bagi menunaikan tanggungjawab sosial Universiti kepada masyarakat.

Menurut Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zaini bin Mohamed, seramai 18 pelajar antarabangsa dari lima buah negara dan 48 pelajar UMK telah berkampung di daerah Tumpat, Kelantan untuk menjayakan Program SEED anjuran bersama UMK dan University of St. Gallen, Switzerland itu.

"Program SEED adalah satu program kemasyarakatan yang diwujudkan khusus untuk disertai oleh pelajar-pelajar universiti ASEAN dalam usaha membangunkan perusahaan desa di sesebuah perkampungan," katanya.

Jelasnya, para peserta SEED telah turun padang, bekerjasama, membentuk dan melaksanakan pelan perniagaan bersama untuk membangunkan aktiviti perusahaan desa di tujuh buah perkampungan di Tumpat, Kelantan.

"Ia termasuklah Kampung Tujuh Tengah, Kampung Sungai Tapang, Kampung Belukar Neting, Kampung Tujuh, Kampung Tujuh Masjid, Kampung Pak Kerau Hulu dan Kampung Pak Kerau Hilir.



# SEED MAJUKAN TUMPAT



PESERTA SEED yang ditemui rata-rata melahirkan rasa bangga dan bertuah kerana dapat menyertai program yang memberi pengertian cukup besar dalam usaha membantu masyarakat desa membangunkan perusahaan tempatan.

Pelajar dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Jeremy Lim Shi Chao, 24, berkata, dia berasa gembira kerana dapat turut serta dalam Program SEED dan penyertaan untuk kali pertama ini merupakan satu pengalaman sangat berharga kepadanya.

"Saya dapat bekerjasama dengan pelajar-pelajar antarabangsa dari pelbagai negara, peringkat umur, latar belakang dan budaya untuk mencari kaedah bagi membantu membangunkan perusahaan desa di Tumpat, Kelantan," katanya.

Pelajar pascasiswazah dari ETH Zurich, Switzerland, Christian Schneider, 27, berpendapat, Program SEED adalah peluang terbaik untuk dia menjalankan kerja lapangan dalam bidang keusahawanan sosial dan pada masa sama dapat membantu pembangunan ekonomi penduduk kampung di Tumpat.

"Ini adalah pengalaman baru bagi saya. Saya berasal dari sebuah negara perindustrian dan masyarakatnya mempunyai kualiti hidup tinggi malah kurang lima peratus daripada penduduk Switzerland masih tinggal di desa sekarang," katanya.

Christian turut berpendapat perusahaan desa di Tumpat, Kelantan mempunyai potensi besar untuk dikomersialkan di pasaran namun pengusaha desa masih kurang pengetahuan seperti tidak dapat mengenal pasti saluran pengedaran produk.

Pelajar prasiswazah dari University of St. Gallen, Switzerland, Sara Ursina Ackermann, 23, berkata, dia yang kali pertama berkunjung ke Malaysia berasa kagum dengan cara hidup masyarakat ASEAN kerana suasananya sangat berbeza dengan Eropah.

"Penduduk kampung di Tumpat memberi layanan yang mesra kepada kami terutama apabila mereka mengetahui kebanyakan peserta SEED yang terdiri daripada pelajar antarabangsa tidak pernah berkunjung ke Kelantan sebelum ini," katanya.

Sara memberitahu, dia mendapati kurang pengetahuan tentang menguruskan bajet dan kewangan adalah antara masalah yang membantutkan pembangunan perusahaan desa di Tumpat, Kelantan.

Manakala bagi pelajar Sultan Hassanul Bolkhiah Institute of Education, Negara Brunei Darussalam, Nadiatul Afifah binti Hj. Mohd Yasin, melihat perusahaan cendawan amat berpotensi untuk dikomersialkan dengan pelan pemasaran yang lebih terancang dan teratur.

Jelasnya, permintaan pasaran cendawan pada hari ini begitu tinggi namun kerana faktor kurang promosi boleh membantutkan perusahaan ini dan dengan menjalani program SEED selama dua minggu ini memberi peluang kepada peserta membantu penduduk menjalankan pelan pemasaran yang betul.



Individu yang mempunyai sifat-sifat keusahawanan lazimnya mereka yang kreatif, inovatif dan yang melakukan perubahan - Naib Canselor.

# Lensa



Majlis Sambutan  
**Ulang Tahun Ke-3 Operasi UMK & Pelancaran Bulan Kemerdekaan**

# SEKITAR MINGGU MESRA MAHASISWA (3M)



**SEKITAR MAJLIS BERBUKA PUASA & SAMBUTAN MALAM AMBANG KEMERDEKAAN KE-53**



SUMBANGAN...Pengurus Pengurusan Tunai & Dagang, Bank Islam Malaysia Berhad, Puan Noraini binti Awang Latif menyampaikan cek sumbangan zakat bernilai RM30,000.00 kepada Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal bin Mohamed sempena majlis berbuka puasa UMK bersama anak-anak yatim.

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi telah melancarkan program *MyBrain15* pada 25 September 2008 sebagai satu usaha menambah bilangan pemegang ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang secukupnya dalam sumber tenaga kerja negara.

*MyBrain15* yang bermatlamat melahirkan 18,000 pemegang PhD atau kelayakan setaraf di Malaysia menjelang tahun 2015 itu antara lain bertujuan meningkatkan daya saing negara pada peringkat global terutama dalam sektor perindustrian.

Dalam pada itu, Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) pada 10 Jun lalu turut menekankan kepentingan program *MyBrain15* dalam usaha membawa negara ke tahap yang setanding dengan negara maju dunia.

Dato' Sri Mohd Najib memberitahu, untuk tujuan itu, kualiti staf akademik di Universiti akan dipertingkatkan dengan menambah peratusan staf akademik berkelulusan PhD iaitu 75 peratus bagi Universiti Penyelidikan dan 60 peratus bagi universiti awam lain.

Bagi mencapai sasaran tersebut, pelaksanaan program *MyBrain15* akan terus dipergiatkan khususnya melalui penetapan *MyBrain15* sebagai salah satu Projek Agenda Kritikal (CAP) yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Kelantan, Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim bin Yahya, kerajaan sememangnya sejak kebelakangan ini telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk meningkatkan jumlah rakyatnya yang memiliki kelayakan PhD.

Jelas beliau, pelbagai usaha giat dijalankan oleh kerajaan dan ini dapat dilihat melalui penetapan CAP *MyBrain15* dalam PSPTN dan juga sebagai pengukiran dalam *Minister Key Result Area (MKRA)*. Ini berikutan secara globalnya PhD menjadi ukuran prestasi sesebuah negara itu ke arah menjadi sebuah negara maju.

"Tetapi persoalannya, apakah maksud PhD itu sebenarnya? Bagi saya ia (PhD) bukan sekadar segulung ijazah tertinggi yang boleh dicapai, tetapi kita harus melihat kepada komponen yang terdapat pada pemegang PhD itu sendiri," katanya dalam satu wawancara di pejabatnya baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, pertama, PhD tidak akan dapat dicapai sekiranya penyelidikan tidak dibuat kerana aktiviti penyelidikan adalah sebagai penjana ilmu baru dan merupakan modal kepada sesebuah negara itu berkembang, berinovasi, memiliki produktiviti tinggi selain melahirkan modal insan berilmu dan berpengetahuan.

Kedua, PhD adalah sebagai satu kaedah untuk membentuk kakitangan akademik menjadi seorang ahli akademik tersohor yang mengutamakan aspek-aspek keserjanaan. Dengan aspek keserjanaan inilah tenaga akademik tersebut akan menjadi ikutan dan contoh oleh para graduan. Perlu kita ingat bahawa *MyBrain15* ini bukan setakat untuk melahirkan pemegang PhD di IPT sahaja, tetapi merupakan satu strategi untuk melahirkan atau meningkatkan lagi jumlah pemegang-pemegang PhD di negara ini.

"Saya percaya dengan adanya ramai pemegang PhD, maka akan meningkatlah hasil penyelidikan yang kebiasaannya akan didokumentasi dan dibukukan. Maka akan banyaklah hasil penulisan ilmiah yang boleh dirujuk oleh para pelajar dan seterusnya dapat menjadikan mereka lebih berkualiti," katanya.

Prof. Dr. Azizul Halim berpendapat, inisiatif *MyBrain15* adalah tepat dan harus disokong oleh semua pihak berikutan pulangannya yang berpatutan meskipun ia memerlukan perbelanjaan tinggi kerana hasil daripada usaha yang dijalankan semestinya dapat dilihat dalam masa 10 tahun akan datang.

"Pada masa yang sama, kita juga boleh membandingkan antara pensyarah yang memiliki PhD dengan pensyarah yang tidak memiliki PhD. Dengan adanya PhD, secara tidak langsung kita pasti bahawa kakitangan akademik itu sudah mengalami revolusi minda dan mempelopori sesuatu bidang dengan lebih mendalam.

"Oleh itu setiap pengumpulan maklumat semasa penghasilan PhD itu akan dapat menjadi modal dan aset kepada pensyarah tersebut untuk disampaikan kepada pelajar-pelajar mereka," jelas beliau.

Selain itu, menurutnya, hasil pembelajaran di peringkat PhD serta kajian-kajian dari segi penyelidikan juga akan menjadi lebih sistematik dan terperinci, manakala pengukuran-pengukuran pula akan menjadi lebih saintifik.

"Saya percaya sudah pasti ia akan memberi impak terhadap kualiti pelajar. Selain itu juga jikalau sesebuah universiti itu memiliki ramai pemegang PhD, masyarakat akan mempunyai keyakinan yang lebih tinggi terhadap status kualiti IPT tersebut selain mampu menarik pelajar-pelajar terbaik sama ada dari dalam negeri mahupun dari luar negara," katanya.

Mengulas mengenai sebuah Universiti Penyelidikan (RU) perlu memiliki sekurang-kurangnya 75 peratus staf akademik berkelulusan PhD, Prof. Dr. Azizul Halim berkata, status RU untuk universiti tempatan harus dilihat sebagai satu pengiktirafan kepada universiti yang terpilih serta merupakan satu bentuk cabaran yang diberikan kepada IPT tersebut.

"Status RU ini tidak sepatutnya menjadi satu desakan ataupun beban kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan juga warga mereka. Desakan ini hanya dirasai oleh mereka yang sukar untuk mengubah status quo mereka terutama dari aspek budaya kerja yang selama ini sudah sebatian dengan mereka.



**"Saya percaya dengan adanya ramai pemegang PhD, maka akan meningkatlah hasil penyelidikan yang kebiasaannya akan didokumentasi dan dibukukan. Maka akan banyaklah hasil penulisan ilmiah yang boleh dirujuk oleh para pelajar dan seterusnya dapat menjadikan mereka lebih berkualiti,"**

"Harapan sebenar kepada universiti-universiti bertaraf RU ini adalah dari aspek meningkatkan kecemerlangan bagi melahirkan graduan-graduan yang berkualiti di samping meningkatkan lebih banyak graduan di peringkat sarjana dan PhD," ujar beliau.

Tambah beliau, usaha sesebuah IPT untuk mendapatkan status RU pada peringkat awal mungkin kelihatan agak sukar kerana harus melalui pelbagai proses seperti proses kualiti, piawaian dan lain-lain proses yang berkaitan untuk memastikan tahap tersebut dicapai sepenuhnya setiap tahun.

"Walau bagaimanapun ianya akan mudah dilakukan jika telah menjadi budaya, ikutan dan menjadi amalan harian di IPT berkenaan. Oleh itu salah satu syarat bagi mendapatkan status RU ini, jumlah tenaga pengajarnya mestilah sekurang-kurangnya 75 peratus berkelulusan PhD.

"Sungguhpun bunyinya berat, tetapi saya yakin ianya bukanlah mustahil untuk dicapai. Malah saya percaya suatu hari nanti setiap universiti harus memiliki 100 peratus pemegang PhD di kalangan tenaga pengajarnya," katanya.

Menurutnya, program *MyBrain15* turut memainkan peranan penting bagi menjayakan Model Ekonomi Baru (MEB) iaitu model ekonomi negara yang berteraskan ekonomi berasaskan pendapatan tinggi yang menjurus kepada input kreativiti, inovasi dan nilai tambah tinggi.

"Berjayanya inisiatif *MyBrain15* juga bermakna akan lahir lebih ramai para sarjana, cendekiawan, pengusaha industri yang berdasarkan inovasi di samping dapat mewujudkan pemikiran-pemikiran yang baru," katanya.



Penceramah jemputan mengupas isu Persaingan Industri Halal di Malaysia pada Program Chairman Lecture Series 14 anjuran UMK.



HASIL penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan pengeluaran produk baru yang kompetitif kepada pengguna secara berterusan antara formula dan kunci kejayaan Syarikat Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd. (Adabi).

Pengasas dan Pengarah Urusannya, Y.Bhg. Dato' Syed Manshor bin Syed Mahmood menjelaskan usaha itu telah berjaya mengembangkan syarikat beliau yang ditubuhkan pada tahun 1984.

"Pihak syarikat sentiasa berusaha untuk memasarkan produknya secara meluas bermula dengan produk rempah kari pada peringkat awal dan sehingga kini Adabi telah mengeluarkan lebih 80 jenis produk yang diedarkan oleh 14 buah anak syarikat di seluruh negara dan juga pasaran antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam program Chairman Lecture Series 13 bertemakan "Persaingan Industri Halal di Malaysia: Isu, Cabaran dan Peluang" anjuran Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Dewan Persidangan, Pusat Dagangan Kelantan (KTC), Kota Bharu, Kelantan pada 17 Julai 2010.

Dalam pada itu, produk Adabi bukan sahaja menguasai pasaran dalam negara bahkan turut terkenal di Indonesia, Brunei, Singapura, Selatan Thailand, Jepun dan United Kingdom.

Sementara itu, Pensyarah dan Felo Kanan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli UMK, Dr. Kassim bin Buhiran yang berucap dalam program itu turut menyentuh tentang pasaran dan persaingan dalam industri halal di negara ini.

Menurutnya, persijilan dan label halal dalam pasaran industri makanan halal bukan sahaja menawarkan keuntungan dan pulangan nyata tetapi ia juga kewajipan kepada muslim.

## MESYUARAT KE - 6 DI PSU, THAILAND ALNC

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) telah mengadakan lawatan kerja ke Prince of Songkla University (PSU), Pattani, Thailand sempena Mesyuarat ASEAN Learning Network (ALNC) kali ke-6 dari 3 hingga 5 Ogos 2010.

Delegasi UMK diketuai oleh Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, Prof. Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim (Dekan Fakulti Perniagaan dan Keusahawanan), Prof. Dr. Farok bin Zakaria (Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah), Puan Wan Tik Sakinah bin Wan Mohd Zain (Pengarah Pusat Hubungan Korporat) dan En. Mohd Badrul Hisyam bin Muhamad Alias (Penolong Pendaftar, Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli).

Manakala, delegasi ALNC terdiri daripada Prof. Dr. Chong Li Choy (Universiti of St. Gallen, Switzerland), Prof. Dr. Surja Dijahjadingrat dan Prof. Madya Dr. Bambang Rudito (Institut Teknologi Bandung, Indonesia) dan Dr. Noraini Kifli (Universiti Brunei Darussalam).

Pada hari pertama, delegasi telah di bawa melawat ke Kampung Patabarat, Pattani untuk sesi taklimat tentang pembangunan di kampung berkenaan oleh Dr. Syukri. Beliau merupakan individu yang bertanggungjawab membangunkan Kampung Patabarat berusaha supaya setiap warga kampung dapat meningkatkan pendapatan menerusi pelbagai usaha dan program yang dilaksanakan serta membantu mereka yang memerlukan.

Pada hari kedua, para delegasi bertolak ke PSU untuk menghadiri mesyuarat dan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara PSU dan ALNC. Turut diadakan adalah sesi pembentangan laporan tentang Social Enterprise For Economic Development (SEED) oleh Prof. Dr. Farok bin Zakaria.



Mesyuarat ASEAN Learning Network Council yang berlangsung di Prince Of Songkla Universiti, Hat Yai, Thailand.



Sebahagian fosil gajah liar yang ditemui di beberapa lokasi Gua Gajah Mati di sekitar Sungai Nenggiri, Dabong, Kelantan.

## TEROKA KHAZANAH ALAM DI CABARAN SUNGAI NENGGIRI

FAKULTI Perubatan Veterinar (FPV), Universiti Malaysia Kelantan dengan kerjasama Sahabat Alam Sungai Nenggiri (SASN) telah mengadakan satu mini ekspedisi ke Gua Gajah Mati, Sungai Nenggiri, Gua Musang, Kelantan dari 23 hingga 24 Julai 2010.

Ekspedisi itu bertujuan membongkar khazanah dan fenomena luar biasa di Gua Gajah Mati, iaitu lokasi yang dikenali sebagai kawasan perkuburan semula jadi gajah liar yang mendiami kawasan pendalaman hulu Kelantan.

Pemangku Dekan FPV, Dr. Mohd. Azam Khan bin Goriman Khan memberitahu, rombongan seramai 10 orang staf FPV menyertai ekspedisi ini bertujuan meninjau kawasan habitat gajah liar untuk kajian pelajar tentang fenomena yang berlaku di kawasan hutan ini.

"Kami akan menetapkan lokasi untuk pelajar kami kembali ke sini bagi tujuan latihan dan kajian tentang anatomi haiwan. Kunjungan ini juga akan membuka ruang lebih luas kepada Universiti bekerjasama erat dengan SASN," katanya.

Tambah beliau, kunjungan ini juga membolehkan pihaknya mengenal pasti bentuk kerjasama yang boleh dijalankan seperti menghantar pelajar untuk melakukan khidmat masyarakat dan mengembangkan kemahiran hidup mereka.

"Program ini juga diharapkan dapat menyemai semangat cinta kepada alam. Malah, kami berharap mereka mampu menghayati dan menyeimbangkan kepentingan alam sekitar dengan pembangunan," ujarnya.

Keindahan Sungai Nenggiri yang merupakan rangkaian utama sistem saliran sungai di Jajahan Gua Musang yang kaya dengan hutan simpan, hutan dara, jeram dan pembentukan gua yang indah menawarkan pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung.

Sungai Nenggiri yang memiliki lebih 40 buah jeram (rapid) memang sesuai bagi aktiviti berakit dan berkayak selain aktiviti memancing. Antara aktiviti yang dijalankan bagi menarik pelancong ialah *Nenggiri River Cruise* iaitu perjalanan sejauh 50 kilometer dengan menaiki bot atau rakit yang bermula dari pengkalan jeti Kuala Betis hingga Kg. Setar.

## VETSA: TUNTUT ILMU SAMBIL BERAMAL DI ZOO TAIPING



SERAMAI 45 ahli Kelab Fakulti Perubatan Veterinar (VETSA), telah menyertai program "Khidmat Siswa: Voluntary Vet, For Animal, Human and Environment", di Zoo Taiping, Perak dari 24 hingga 27 Mei 2010.

Melalui program ini, para sukarelawan yang terdiri daripada pelajar perubatan veterinar telah mengambil peluang untuk mengenali habitat hidupan di Zoo Taiping, Perak melalui aktiviti berkumpulan yang dijalankan.

Selain itu, objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar melaksanakan dan memperkayakan aktiviti kehidupan haiwan dalam kurungan disini yang ternyata membosankan.

Pada program itu, peserta dan sukarelawan berpeluang menjalankan aktiviti dengan menyembunyikan kacang dan makanan di kandang monyet serta terbangun bertujuan untuk mengajar hidupan itu berdikari mencari makanan mereka secara semulajadi (natural behaviour).

Pelajar juga didedahkan dengan kaedah rawatan oleh doktor haiwan dengan membuat X-Ray dan melakukan pembedahan kecil pada seekor harimau kumbang. Selain itu, peserta diajar cara menggunakan panah sumpitan dan getah serta kaedah merawat haiwan dengan betul.

Program ini ternyata berjaya memberi semangat kepada pelajar, harapan dan pengetahuan dengan memberikan rawatan kepada semua haiwan besar dan kecil. Ini merupakan sebahagian daripada latihan yang diperlukan untuk mengasah kemahiran mereka.

## STAF FTKW MENANG ANUGERAH

# PEREKA MUDA MI2010



INSPIRASI daripada penumpang yang sering sukar tidur ketika terkandas di lapangan terbang membawa idea kepada rekaan *Napping Mask* atau *Topeng Tidur Sebentar* oleh Muhammad, Najibul Muthie bin Che Yaakob.

Hasil ciptaan beliau itu berjaya meraih anugerah Kategori Pereka Muda Pertandingan Inovasi Karnival Malaysia Inovatif 2010 (MI2010), di Kuala Terengganu, Terengganu pada 30 Julai 2010.

Rekaan tersebut sekaligus membolehkan staf Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan itu membawa balik wang tunai RM3,000 dan trofi serta mewakili Zon Timur ke pertandingan akhir MI2010 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur, pada 24 hingga 27 November 2010.

Topeng yang berharga RM150 itu dilengkapi pemain *music player MP3*, teknologi *blueetooth* untuk membolehkan penumpang mendapatkan maklumat mengenai penerbangan daripada pusat kawalan lapangan terbang.

Ciptaan unik hasil kreativiti beliau itu juga pernah memenangi pingat gangsa dalam pertandingan Pameran Teknologi Inovasi dan Rekaan Antarabangsa 2010 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Kuala Lumpur pada bulan Mei 2010.

## UMK SERTAI PERBARISAN ASKAR WATANIAH

SERAMAI 18 anggota sukarela Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menyertai perbarisan sempena Majlis Pelancaran Kompeni Askar Wataniah bagi Parlimen Keterah, Kubang Kerian, Kota Bharu dan Machang.

Majlis bersejarah itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Y.B Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad di Batalion Ketiga, Kem Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan, pada 6 Jun 2010.

Anggota sukarela yang terlibat dalam perbarisan terdiri daripada 20 pegawai dan 400 anggota lain-lain pangkat. Perbarisan ini telah diketuai oleh Mejar Mohd Hashim bin Endot, Ajudan perbarisan oleh Kapt Nik Roshdi bin Nik Abdullah dan SMR perbarisan PW I oleh Che Zabbar bin Mat Lazim.

Kemuncak pelancaran Kompeni Askar Wataniah bagi parlimen tersebut ialah penyampaian Bendera Askar Wataniah oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan kepada Mejar Pauzi bin Pak Chu dari Batalion Pertama Rejimen 506 AW.

Sementara itu, Datuk Dr. Abdul Latiff berkata, pasukan tersebut adalah penghubung antara tentera dan rakyat di samping dapat memberi semangat kepada generasi muda mencurahkan khidmat murni kepada negara.



## PROF. MADYA DATIN ROSNAH BERSARA SELEPAS BERBAKTI SELAMA 32 TAHUN

SELEPAS berkhidmat lebih 32 tahun sebagai penjawat awam, Y.Bhg. Prof. Madya Datin Rosnah binti Mohamad Sirin, akhirnya bersara wajib di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Sebagai tanda penghargaan atas sumbangan beliau itu, satu Majlis Meraikan Staf Yang Bersara Wajib dan Staf Yang Meninggal diadakan di Bilik Mesyuarat, Jabatan Canselori, UMK pada 30 Ogos 2010.

Majlis bersejarah itu diserikan dengan gimik *clock-out* oleh Y.Bhg. Prof. Madya Datin Rosnah tepat jam 4.50 petang yang turut disaksikan oleh Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed.

Y.Bhg. Prof. Madya Datin Rosnah, mula berkhidmat sebagai penjawat awam pada 15 September 1978 di Universiti Teknologi Malaysia dan bertukar ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sebelum berkhidmat di UMK pada 17 Jun 2007.

Pada majlis sama, Universiti juga turut meraikan balu kepada Allahyarham Asran bin Mohamad@Abdullah daripada Jabatan Keselamatan yang telah kembali ke rahmatullah pada 24 Mei 2010.



# UMK ANJUR PERTANDINGAN PELAN PERNIAGAAN 2010



KURANG pengalaman dalam aktiviti merancang pelan perniagaan antara faktor utama kegagalan dan kelemahan kebanyakan usahawan pada hari ini menjalankan urusan perniagaan yang mereka ceburi.

Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berpendapat, faktor kekurangan ilmu dalam selok-belok perniagaan tersebut mendorong UMK melalui Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) menganjurkan Pertandingan Rancangan Perniagaan atau *Business Plan Competition 2010*.

Beliau berpendapat, program ini adalah antara usaha Universiti untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan keupayaan diri pelajar-pelajar dengan menggabungkan semangat disiplin dalam satu pasukan yang memerlukan penglibatan semua dalam selok-belok dunia pekerjaan.

"Siswa dan siswi tahun akhir UMK diwajibkan menyertai program yang julung kali diadakan ini bagi memantapkan lagi ciri-ciri keusahawanan mereka selaras dengan wawasan Universiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pertandingan Rancangan Perniagaan 2010 di Dewan Terbuka Keusahawanan, Kampus Sementara UMK, Pengkalan Chepa pada 23 Ogos 2010.

Sementara itu, Dekan FKP UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim memberitahu pertandingan tersebut akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Perniagaan dan Kategori Keusahawanan Sosial yang mewajibkan penyertaan semua pelajar tahun akhir.

Tambah beliau, sebanyak 50 pasukan dijangka terlibat dalam pertandingan ini dengan setiap pasukan dianggotai oleh lima hingga enam orang pelajar tahun akhir daripada fakulti yang berlainan.

## BAHAGIAN KESELAMATAN ANJUR LATIHAN KEBAKARAN



BAHAGIAN Keselamatan, Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Balai Bomba dan Penyelamat, Pengkalan Chepa, Kelantan telah mengadakan satu latihan *fire drill* bertempat di Kampus Sementara UMK, Pengkalan Chepa pada 5 Ogos 2010.

Menurut Pegawai Keselamatan, Bahagian Keselamatan, En. Wan Salman bin Wan Salleh, program latihan ini adalah julung-julung kali diadakan dengan kerjasama Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Chepa, Kelantan.

Menurut beliau, seramai lapan anggota Bahagian Keselamatan termasuk sebuah jentera bomba dengan kekuatan lapan orang anggota terlibat dalam latihan ini.

"Antara aktiviti latihan yang dijalankan ialah menentang kebakaran pada peringkat awal dengan menentukan semua staf, pelajar dan pelawat yang berurusan diarahkan berkumpul di 'Zon Perhimpunan Kecemasan' yang telah disediakan," katanya.

Tambah beliau, latihan tersebut dijalankan secara kombinasi kawad basah dan kawad kering dengan tujuan mengurangkan risiko kerugian dan mengutamakan kerja-kerja menyelamatkan mangsa yang terperangkap.

Jelasnya, hasil daripada sesi latihan yang dijalankan kebanyakan staf hanya mengikut arahan yang diberikan sambil lewa dan mereka sewajarnya boleh bergerak ke lokasi zon perhimpunan kecemasan dengan pantas mungkin sebaik sahaja terdengar siren amaran kecemasan.

"Pihak keselamatan Universiti juga terpaksa mengeluarkan amaran dan arahan berkali-kali supaya tindakan pengusian bangunan dapat dilakukan serta-merta. Terdapat pelajar dan pensyarah masih meneruskan kuliah walaupun siren amaran bahaya kebakaran telah dibunyikan," ujarnya.

Sementara itu, Wan Salman memberitahu, latihan seumpama ini akan diadakan secara berterusan dan bakal dijadikan acara tahunan bertujuan untuk melatih staf serta pelajar menghadapi situasi kecemasan supaya risiko kebakaran dapat dikurangkan.



# LAWATAN KERJA RASMI UMK KE UNITED KINGDOM



Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai dan delegasi berkesempatan mengadakan perjumpaan bersama pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom.

Dalam usaha untuk terus memantap dan mempertingkatkan fungsi, peranan serta keberkesanan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai sebuah Universiti Keusahawanan, satu lawatan kerja UMK ke United Kingdom telah diadakan pada 25 Jun 2010 hingga 2 Julai 2010.

Rombongan lawatan tersebut terdiri daripada Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi, Y.Bhg. Dato' Dr. Ramli bin Hassan dan Pendaftar UMK, Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman.

Lawatan kerja berkenaan antara lain bertujuan mengadakan perbincangan dan mempelajari serta melihat amalan keusahawanan yang diterap dan dilaksanakan di organisasi dan institusi pengajian tinggi yang terpilih di United Kingdom.

Antara jadual lawatan dan hasil perbincangan yang berlangsung sepanjang program tersebut adalah lawatan kerja ke Queen's University Belfast, Ireland yang telah dianugerahkan sebagai *Entrepreneurial University of The Year 2009* oleh *Times Higher Education*.

Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai dan rombongan juga mengadakan lawatan ke National Council for Graduate Entrepreneurship (NCGE) di Birmingham; Judge Business School, University of Cambridge; University of Nottingham iaitu penerima anugerah *Entrepreneurial University of The Year 2008* daripada *Times Higher Education*.



Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi, Y.Bhg. Dato' Dr. Ramli bin Hassan.

Di samping itu, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai dan rombongan mengadakan perjumpaan bersama pelajar-pelajar Malaysia di Belfast, Ireland Utara.

Lebih kurang 60 pelajar Malaysia yang berada di Ireland terlibat dalam perjumpaan tersebut. Mereka dimaklumkan mengenai perkembangan terkini di Malaysia seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP); Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10); Gagasan 1 Malaysia serta Model Baru Ekonomi (MBE).

Sementara itu, seramai lapan staf UMK yang sedang melanjutkan pengajian di United Kingdom telah hadir dalam sesi perjumpaan Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai dan rombongan bersama *Malaysian Students Department, London*. Sesi perjumpaan tersebut antara lain bertujuan mendapat maklum balas daripada staf UMK tersebut mengenai masalah-masalah yang mereka hadapi ketika sedang melanjutkan pengajian.

## UMK SERTAI PAMERAN THE 1st PSU INTERNATIONAL EDUCATION EXHIBITION 2010

PAMERAN The 1st Prince of Songkla University (PSU) International Education Exhibition 2010 yang berlangsung di The Throne International Convention Center, PSU, Hat Yai, Thailand mampu memberikan impak yang positif kepada hasrat Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk merealisasikan matlamat pengantarabangsaan Universiti.

Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) UMK, Prof. Madya Dr. Jampa Phatcharee memberitahu, pihak Universiti secara tidak langsung dapat berkongsi ilmu dan pengalaman apabila menyertai pameran bertaraf antarabangsa seperti ini.

Tambah beliau, pameran selama dua hari itu juga bertujuan memperkenalkan UMK kepada para pelajar di negara Thailand terutamanya pelajar lepasan sekolah menengah dan mahasiswa, guru dan ibu bapa.

"Usaha Universiti untuk menyertai pameran seperti ini turut dapat mengeratkan lagi hubungan antara UMK dan PSU," katanya.

Pameran yang berlangsung pada 20 hingga 21 Ogos 2010 itu telah dirasmikan oleh Naib Presiden Perancangan dan Pembangunan PSU, Prof. Madya Dr. Thawat Chittrakarn.





Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai dan Pegawai Kanan UMK mengibarkan jalur gemilang tepat jam 12 tengah malam pada Sambutan Ambang Kemerdekaan di UMK.

## WARGA UMK PERLU BERSYUKUR KEMAKMURAN NEGARA

WARGA Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai generasi yang lahir pasca kemerdekaan perlu bersyukur kerana dapat merasai kenikmatan berpuasa dalam suasana negara yang aman dan selesa dengan pelbagai kemudahan yang ada.

Naib Canselor (UMK), Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed menyifatkan bulan ramadan dapat memberi keinsafan dan peluang kepada umat Islam merasai keperitan hidup golongan tidak bernasib baik di negara miskin yang serba kekurangan dan tidak pernah mengecapi keamanan.

Beliau berkata, memandangkan sambutan kemerdekaan tahun ini jatuh pada bulan Ramadan, Universiti mengambil kesempatan mengadakan majlis berbuka puasa dan program sambutan Ambang Kemerdekaan ke 53.

"Seramai 90 anak-anak yatim daripada sekolah sekitar Kota Bharu dan daerah Bachok diraikan pada majlis berbuka puasa malam ini. Selain itu, saya berharap semua yang hadir dapat berusaha untuk mengekalkan kemerdekaan negara yang kita kecapai hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa UMK 2010 dan Program Sambutan Malam Ambang Kemerdekaan Ke-53 di Dewan Terbuka Keusahawanan, Kampus Sementara UMK, Pengkalan Chepa, pada 30 Ogos 2010.



Y.Bhg. Al-Ustaz Al-Sheikh Mohamed Abdelaziz Mohmoud Ghonim sebagai penceramah jemputan.



Naib Canselor UMK menyampaikan sumbangan berupa wang raya kepada anak yatim di Majlis berbuka Puasa UMK.

Tambah Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai, penganjuran majlis tersebut dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar sekolah mengenali UMK dengan lebih dekat khususnya apabila mereka perlu berhadapan dengan cabaran baru bila memasuki Universiti kelak.

"Universiti mahu melihat semua anak yatim yang diraikan pada majlis ini berjaya menjejakkan kaki ke universiti sama ada di UMK atau universiti lain. Majlis ini juga adalah salah satu pendekatan dan usaha Universiti untuk melihat semua mereka berjaya suatu hari nanti," katanya.

Sempena majlis berbuka puasa itu, UMK turut mengundang anggota termuda Majlis Fatwa Mesir, Y.Bhg. Al-Ustaz Al-Sheikh Mohamed Abdelaziz Mohmoud Ghonim sebagai penceramah jemputan.

Sementara itu, pada program Sambutan Ambang Kemerdekaan, pelbagai acara menarik turut diadakan seperti persembahan sajak, nasyid, tayangan video klip kemerdekaan, laungan merdeka serta upacara menaikkan jalur gemilang.